# KETAHUILAH FIRE DANGER RATING DAN APA YANG HARUS DILAKUKAN.

Fire Danger Rating meramalkan bagaimana kebakaran akan berlangsung sekiranya bermula, termasuk betapa sukar untuk dipadamkan.

Makin tinggi pengkadaran tersebut, makin berbahaya keadaan. Pengkadaran ini merupakan pemicu anda untuk bertindak, maka untuk tetap selamat anda akan harus tetap mengetahui Fire Danger Rating di daerah anda.

Semasa musim kebakaran, Fire Danger Rating akan dipaparkan dalam ramalan cuaca, disiarkan di radio dan TV, dan ditunjukkan di surat khabar tertentu.

Kadaran ini juga boleh diperoleh daripada laman CFA, Department of Sustainability and Environment dan Bureau of Meteorology, dengan menelefon Victorian Bushfire Information Line pada nombor 1800 240 667 atau menerusi National Relay Service pada nombor 1800 555 677.




| | BERMAKSUD? | APA YANG HARUS SAYA LAKUKAN? |
|---|---|---|
| **CODE RED** | › Inilah keadaan paling teruk untuk kebakaran hutan (bush) atau rumput (grassfire).<br>› Rumah tidak direka bentuk atau dibina untuk menahan kebakaran dalam keadaan ini.<br>› Tempat yang paling selamat adalah jauh daripada kawasan kebakaran hutan (bushfire) berisiko tinggi. | › Pilihan anda yang paling selamat adalah meninggalkan kawasan yang cenderung terkena kebakaran hutan (bushfire) sebelumnya, atau awal pagi hari - jangan tunggu sahaja untuk menentukan keadaan.<br>› Hindari kawasan berhutan, semak belukar atau rumput yang panjang dan kering.<br>› Ketahuilah pemicu anda – buat keputusan tentang:<br>– bila anda akan pergi<br>– ke mana anda akan pergi<br>– bagaimana anda akan ke sana<br>– bila anda akan pulang<br>– apa yang akan anda lakukan jika anda tidak dapat pergi. |
| **EXTREME** | › Harapkan keadaan yang amat panas, kering dan berangin.<br>› Jika api bermula dan tetap membakar, akan tidak dapat dikawal, tidak dapat dijangka dan bergerak dengan cepat. Kebakaran tumpuk akan bermula, bergerak dengan cepat dan datang dari banyak arah.<br>› Rumah yang terletak dan dibina atau diubah elok untuk tahan kebakaran hutan (bushfire), yang dipersiapkan dengan baik dan dipertahankan secara giat, mungkin memberi perlindungan selamat.<br>› Anda mesti siap sedia dari segi fizikal dan mental untuk bertahan dalam keadaan ini. | › Pertimbangkan tinggal di harta anda hanya jika anda siap sedia sampai paras tertinggi. Ini bermakna bahawa rumah anda perlu dibina dan terletak atau diubah elok untuk tahan kebakaran hutan (bushfire), anda cukup siap sedia dan anda mampu mempertahankan rumah anda jika bermula kebakaran.<br>› Jika anda tidak siap sedia sampai paras tertinggi, meninggalkan tempat berisiko tinggi kebakaran hutan (bushfire) secara awal merupakan pilihan anda yang paling selamat.<br>› Ketahuilah keadaan tempatan. Dapatkan maklumat dengan mendengar radio tempatan ABC, stesen radio swasta dan stesen radio masyarakat yang ditetapkan, atau tonton Sky News TV, kunjungi **cfa.vic.gov.au**, hubungi Victorian Bushfire Information Line pada nombor **1800 240 667** atau menerusi National Relay Service pada nombor **1800 555 677**. |
| **SEVERE** | › Harapkan keadaan yang panas, kering dan mungkin berangin.<br>› Jika api bermula dan tetap membakar, mungkin tidak dapat dikawal.<br>› Rumah yang dipersiapkan dengan baik dan dipertahankan secara giat dapat memberi perlindungan selamat.<br>› Anda mesti siap sedia dari segi fizikal dan mental untuk bertahan dalam keadaan ini. | › Rumah yang dipersiapkan dengan baik dan dipertahankan secara giat dapat memberi perlindungan selamat – semak rancangan kemandirian kebakaran hutan (Bushfire Survival Plan) anda.<br>› Jika anda tidak siap sedia, meninggalkan tempat berisiko tinggi kebakaran hutan (bushfire-prone) awal pada waktu pagi merupakan pilihan anda yang paling selamat.<br>› Ketahuilah keadaan tempatan. Dapatkan maklumat dengan mendengar radio tempatan ABC, stesen radio swasta dan stesen radio masyarakat yang ditetapkan, atau tonton Sky News TV, kunjungi **cfa.vic.gov.au**, hubungi Victorian Bushfire Information Line pada nombor **1800 240 667** atau menerusi National Relay Service pada nombor **1800 555 677**. |
| **VERY HIGH**<br>**HIGH**<br>**LOW MODERATE** | › Jika api bermula, mungkin sekali dapat dikawal dalam keadaan ini.<br>› Ketahuilah bagaimana kebakaran boleh bermula dan kurangkan risiko.<br>› Pembakaran terkawal boleh dilakukan dalam keadaan ini jika selamat – pastikan sama ada terhadap permit yang berkenaan. | › Semak Rancangan kemandirian kebakaran hutan (Bushfire Survival Plan) anda.<br>› Pantau keadaan.<br>› Tindakan mungkin diperlukan.<br>› Tinggalkan harta jika perlu. |

Untuk maklumat lanjut: **1800 240 667** atau **1800 555 677** (National Relay Service) atau **cfa.vic.gov.au**